

Indeks Sara Hidup Pelajar Politeknik Mukah

Muhammad Hazim Fahmi Mohd Ghafar^{1*}, Aiesah Karim¹, Mazira Ramli¹

¹Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar, Politeknik Mukah, KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: ajimghafar@gmail.com

Abstrak

Peningkatan kos sara hidup mula kian memberi bebanan dan sedang menjadi topik yang hangat diperbincangkan oleh masyarakat di Malaysia di bandar atau di luar bandar. Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga adalah dalam golongan yang masih menghadapi kesesakan hidup akibat krisis kos sara hidup dengan menghadapi tekanan stress dalam kehidupan seharian di kampus. Persoalan kajian ini adalah adakah sumber pendapatan yang diberikan mencukupi atau tidak dengan kos sara hidup yang ditanggung oleh pelajar sepanjang pengajian ini? Kajian ini bertujuan menganalisis sumber pendapatan pelajar, mengenalpasti kos tanggungan perbelanjaan dan mengira indeks kos sara hidup pelajar. Politeknik Mukah Sarawak telah dipilih sebagai sampel kajian dengan mengedarkan borang kaji selidik secara atas talian untuk mendapatkan data kajian. Dapatan hasil maklum balas responden telah dianalisis menggunakan pakej perisian statistik (SPSS) dan Microsoft Excel. Hasil dapatan kajian menunjukkan sumber pendapatan pelajar yang paling ramai adalah daripada ibu bapa dengan peratusan 93.8%, tiada sebarang bantuan atau penajaan adalah 72.1% dan pelajar yang menerima penajaan pinjaman dan biasiswa ialah 27.9%. Jumlah satu bulan pendapatan pelajar ialah RM341,840.79 dengan anggaran purata pendapatan seorang pelajar RM821.73 per bulan. Nilai jumlah keseluruhan perbelanjaan pelajar dalam sebulan pula ialah RM 234,180.30 dan anggaran perbelanjaan seorang pelajar ialah RM562.93. Hasil dapatan kos sumber kewangan dan kos perbelanjaan pelajar menunjukkan nilai indeks kos sara hidup ialah 0.69. Hasil pengiraan indeks yang kurang daripada satu menunjukkan bahawa sumber pendapatan pelajar Politeknik Mukah masih mencukupi dalam menampung perbelanjaan sepanjang pengajian mereka. Diharap melalui kajian ini, akan dijadikan sumber rujukan oleh masyarakat supaya dapat membuat persediaan terutama berkaitan kewangan. Manakala bagi pihak yang menjaga kebajikan pelajar seperti Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar agar lebih cakna dan menjadi penanda aras bagi pelaksanaan Strategi Pelaksanaan Inisiatif KPT Menangani Kos Sara Hidup di Politeknik Tahun 2024.

Kata kunci: - Kos sara hidup Politeknik Mukah, indeks kos sara hidup, strategi pelaksanaan inisiatif KPT menangani kos sara hidup di politeknik

1. Pendahuluan

Peningkatan kos sara hidup mula kian memberi bebanan dan sedang menjadi topik yang hangat diperbincangkan oleh masyarakat di Malaysia di bandar dan juga di luar bandar. Di seluruh dunia, masalah yang sama sedang dihadapi terutama setelah pandemik Covid-19 melanda dunia. Definisi kos sara hidup berujuk istilah Dewan Bahasa bermaksud jumlah kos diperlukan untuk membeli keperluan asas harian yang penting seperti sumber makanan dan minuman, pakaian harian, tempat penginapan dan lain-lain bagi mencapai tahap hidup yang tertentu.

Menurut akhbar harian atas talian, Malaysia Now bertarikh 31 Mac 2024 telah menyatakan bahawa kebiasaannya ramai masyarakat akan menjangkakan "krisis kos sara hidup" hanya terkesan kepada ibu bapa sebagai pencari sumber rezeki makanan untuk anak-anak, tetapi terdapat golongan lain yang terpinggir dalam perbincangan ini. Mereka merupakan mahasiswa dari IPTA dan IPTS di semua negeri. Walaupun hanya melibatkan populasi individu yang sendirian, pelajar masih menghadapi kesesakan hidup akibat krisis. Melanjutkan pendidikan ke IPT tidak

kira institusi pengajian awam atau swasta, politeknik dan kolej komuniti, atau mana-mana institusi yang lain, ini adalah merupakan tuntutan ibu bapa bagi penentu masa hadapan mereka kelak. Politeknik Mukah merupakan salah satu Institusi Pendidikan TVET di Malaysia yang menawarkan Pengajian Diploma Kejuruteraan seperti bidang awam, elektrik dan mekanikal. Selain bidang bukan kejuruteraan, Pengajian Diploma yang ditawarkan adalah Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Diploma Sains Kesetiausahaan, Diploma Perakaunan, dan Diploma Pengurusan Perniagaan.

Menurut kajian yang dilakukan (Miskan & Fisol 2021), pelajar di institusi tinggi menghadapi tekanan stress dalam kehidupan seharian di kampus adalah faktor kewangan. Secara umumnya, masyarakat amat memahami melanjutkan pelajaran peringkat tinggi amat memerlukan kos yang tinggi tambahan pula melihat kepada faktor geografi Negeri Sarawak yang luas menyebabkan kesukaran dari kemudahan pengangkutan dan logistik. Baik dari segi perbelanjaan pelajar, perbelanjaan alat bahan kelengkapan pembelajaran, perbelanjaan kos sara hidup pelajar, dan sebagainya. Walau bagaimanapun,

terdapat banyak faktor lain yang perlu diambil kira apabila mengira perbelanjaan sara hidup seorang pelajar. Segelintir pelajar perlu menambah sumber pendapatan dalam membiayai pengajian dengan bekerja sambil, berniaga, melalui pinjaman atau biasiswa (Husin, 2021).

Apabila seseorang pelajar itu mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), mereka perlu peka berkaitan soal kewangan seperti sumber kewangan termasuklah pinjaman atau biasiswa daripada mana-mana organisasi atau syarikat (Abdullah, 2007). Terdapat pelbagai pembiayaan tajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Raya (MARA) atau jika pinjaman Pendidikan ialah daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Di Negeri Sarawak, pelajar yang layak boleh mendapatkan biasiswa/bantuan kewangan melalui Biasiswa/Pinjaman Yayasan Pendidikan Negeri iaitu Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang lain. Menurut akhbar atas talian, Norliza (2023) telah memetik ucapan Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim telah menyatakan Kerajaan Negeri Sarawak akan membayar sebanyak 30% daripada baki hutang pinjaman PTPTN bagi mereka iaitu anak Negeri Sarawak yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% hutang pinjaman mereka. Namun adakah pelbagai sumber pendapatan jumlah yang diberikan memenuhi keperluan atau tidak dengan kos sara hidup yang perlu pelajar tanggung sepanjang pengajian ini?

Oleh itu, satu kajian dilakukan bagi menentukan (1) sumber pendapatan pelajar semasa dalam tempoh pengajian di politeknik. Selain itu juga pengkaji juga ingin (2) mengenalpasti tanggungan perbelanjaan kos sara hidup pelajar, dan (3) mengira indeks sara hidup pelajar di Politeknik Mukah bagi melihat nisbah kemampuan kewangan perbelanjaan pelajar Politeknik Mukah. Para pelajar akan mendapat input hasil daripada kajian ini serta dapat bersedia dengan cabaran pengurusan perbelanjaan kewangan sepanjang tempoh pengajian. Pihak Pentadbiran Politeknik Mukah terutamanya Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar Politeknik Mukah boleh menjadikan penanda aras bagi melaksanakan strategi dalam membantu kebajikan para pelajar di kampus.

2. Sorotan Kajian

Hasil kajian Sabstu (2014), kos sara hidup dan taraf hidup adalah perkataan yang berbeza yang sangat berkaitan. Menurutnya lagi kos Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh isi rumah untuk memenuhi keperluan asas seseorang, seperti makanan, pakaian dan rumah, tetapi juga untuk keperluan tambahan untuk kesejahteraan hidup, perbelanjaan pengajian, perbelanjaan sambungan jalur lebar dan kos pengangkutan yang digunakan setiap hari. Menurut kajian (Khan et al., 2021), struktur taburan pendapatan

isi rumah di Malaysia diklasifikasikan sebagai B40, M40 dan T20 yang diklasifikasikan mengikut peratusan populasi penduduk di negara bagi 40% terbawah, 40% tengah dan 20% teratas. Purata pendapatan mengikut kategori seperti B40 di bawah RM4,360, purata pendapatan dari RM4,360 sehingga RM9,619 adalah golongan M40, dan T20 ialah berpendapatan lebih RM9,619. Punca utama pendapatan isi rumah di Malaysia adalah seperti pendapatan makan gaji, bekerja sendiri, pelaburan dan pemindahan hartanah.

Bagi pelajar di kampus sumber pendapatan mereka pula seperti diperingkat pendidikan tinggi menurut kajian lepas dilaksanakan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) menyatakan, pelbagai sumber pendapatan pelajar seperti ibubapa, tajaan biasiswa, pinjaman, bekerja sambil, dan lain-lain (Husin, 2021). Namun sumber keutamaan bagi pelajar adalah tajaan pinjaman atau peruntukan biasiswa daripada badan-badan tertentu kerana kos yuran adalah tinggi. Menurut dapatan kajian (Baba et al., 2018) adalah selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan pelajar mempunyai lebih daripada satu sumber pendapatan. Selain pemberian ibu bapa dan bekerja sambil atau separuh masa, pelajar mendapat bantuan biasiswa dan penajaan pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Perancangan perbelanjaan yang betul dan berhemah perlu dititik beratkan bagi seorang pelajar yang tiada sumber pendapatan yang tetap. Sabri & McDonald (2010) memberi penjelasan tentang keperluan dan gaya hidup pelajar di IPT menentukan hala tuju pengurusan dan corak perbelanjaan. Menurut kajian (Jalil et al., 2013) sumber utama pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terbahagi kepada tiga sumber iaitu ibu bapa, biasiswa dan pinjaman PTPTN. Laporan ini juga menyatakan perbelanjaan tertinggi adalah kos perbelanjaan makan dan minum, yuran pengajian, kos buku dan alat tulis dengan nilai purata RM200. Sebanyak 35% pelajar universiti di seluruh UK menghadapi masalah kekurangan wang. Selain itu, laporan ini menunjukkan bahawa makanan dan barangan keperluan harian adalah bahagian tertinggi dalam perbelanjaan bulanan pelajar, iaitu £76.29, atau RM 411.11.

Antara kaedah yang menilai penanda aras tahap kemampuan pelajar berbelanja ialah indeks kos sara hidup. Kajian yang dijalankan oleh Malek et al. (2024) adalah untuk melihat kecukupan perbelanjaan bulanan pelajar Kolej Komuniti Kuantan dalam pengajian mereka. Sampel kajian terdiri daripada 225 pelajar kolej yang aktif di dalam sistem dan berada di kawasan kampus. Hasil kajian, pengiraan data menunjukkan indeks kos sara hidup ialah 0.82. Ini menunjukkan sumber pendapatan kewangan pelajar dengan kos perbelanjaan bulanan pelajar adalah mencukupi dan melebihi dengan jumlah perbelanjaan pelajar. Selain Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) seperti Kolej Komuniti, kajian juga dilaksanakan di Institusi Pendidikan Swasta (IPTS).

Misalnya, Nizad et al. (2018) telah membuat kajian kos sara hidup terhadap pelajar di Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC) dengan sampel kajian 125 orang pelajar. Dapatan yang sama juga menunjukkan bahawa pendapat pelajar masih mencukupi untuk menampung perbelanjaan dengan nilai indeks kos sara hidup sebanyak 0.61. Selain dalam negara, sebuah laporan yang dikeluarkan pada 2019 dan 2020 di universiti-universiti di United Kingdom menunjukkan bahawa indeks sara hidup pelajar kekal stabil, tetapi meningkat sebanyak 7% pada tahun 2021, apabila pandemik di seluruh dunia mencapai puncaknya. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar masih mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk keperluan asas harian pelajar. Namun, jika mereka ingin menjalani kehidupan yang lebih baik dan lebih stabil, mereka perlu sentiasa diajar tentang pengurusan kewangan yang betul.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang menggunakan data statistik. Instrument kajian pula adalah melalui pengedaran soal selidik secara atas talian kepada responden. Set soalan borang kaji selidik telah direka bentuk dan diolahkan dengan berpandukan kajian terdahulu (Nizad et al. 2018) agar dapat kajian yang dilakukan bersesuaian dengan objektif dan permasalahan kajian. Responden kajian adalah dari kalangan para pelajar Politeknik Mukah status yang aktif yang sedang mengikuti pengajian peringkat diploma secara sepenuh masa di kampus. Para responden melibatkan setiap jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Perdagangan (JP). Pemilihan responden adalah secara rawak yang terdiri dari semester 1 sehingga 5. Seramai 416 responden daripada 1770 pelajar status aktif dan berada di kawasan kampus yang telah menjawab soalan borang kaji selidik yang telah diedarkan. Merujuk bilangan responden dalam kajian ini menunjukkan saiz sampel adalah bersesuaian dengan merujuk jadual Krejcie & Morgan (1970). Status pelajar di semester 6 yang menjalani tempoh latihan industri (LI) tidak dilibatkan saebai responden dalam kajian ini.

Borang Soal Selidik terbahagi tiga bahagian iaitu Bahagian A ini mengandungi 4 item soalan berkaitan demografi pelajar dan keluarga. Bahagian B berkaitan sumber pendapatan kewangan pelajar yang mengandungi 6 item soalan dan sub-soalan berbentuk terbuka yang memerlukan responden menjawab dengan memperincikan jumlah sumber pendapatan pelajar. Bahagian C: adalah bahagian yang mengandungi 11 item soalan berbentuk terbuka berkaitan perbelanjaan para pelajar di kampus dimana responden perlu memperincikan jumlah perbelanjaan sebulan. Kaedah pensampelan berkebarangkalian dan tidak berkebarangkalian digunakan untuk kajian ini.

$$\text{Indek Sara hidup pelajar} = \frac{\text{Purata perbelanjaan sebulan}}{\text{Purata pendapatan sebulan}} \quad (1)$$

Indeks sara. Pengiraan nisbah antara purata perbelanjaan dan pendapatan pelajar untuk sebulan akan mendapatkan nilai indeks sara hidup seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Takrifan indeks sara hidup pelajar

Bacaan Indeks	Tarifikan
<1	Purata kos perbelanjaan kurang daripada sumber pendapatan
=1	Purata kos perbelanjaan adalah sama dengan sumber pendapatan
>1	Purata kos perbelanjaan melebihi sumber pendapatan

4. Analisis dan Dapatan Kajian

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan bahawa peratusan pelajar Perempuan (60.6%) adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki (39.4%). Melihat kepada taburan jantina ini adalah jumlah yang norma kerana jumlah pelajar mahasiswi yang menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah lebih tinggi daripada pelajar mahasiswa lelaki. Taburan peratusan bagi kategori bangsa menunjukkan Bumiputera Sarawak (71.6%) lebih dominasi, manakala bangsa Cina (5%) adalah bilangan responden pelajar yang sedikit. Menurut akhbar harian atas talian, Malaysia Now (31 Mac 2024) Hal ini kerana 27 kumpulan etnik terdapat di Negeri Sarawak dimana etnik iban adalah etnik majoriti selain Bidayuh, Melanau, Orang Ulu dan lain-lain. Taburan dari segi jabatan pula menunjukkan Jabatan Perdagangan (54.6%) adalah lebih tinggi berbanding yang paling rendah adalah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (7.2%). Merujuk kepada hasil dapatan berkaitan pekerjaan penjaga menunjukkan penjaga bekerja sendiri (38.9%) adalah lebih dominasi berbanding bekerja di sektor awam (31.5%), di sektor swasta (24.5%) dan badan-badan bukan Kerajaan (5%).

Jadual 3 menunjukkan maklumat pendapatan para pelajar di Politeknik Mukah, melihat kepada sumber pendapatan pelajar menunjukkan bahawa sumber pendapatan mereka daripada ibu bapa adalah majoriti iaitu 93.8%. Merujuk Jadual 4, jumlah sumber pendapatan yang diterima oleh ibu bapa ialah RM245.41 dengan nilai minimum sebulan RM40.00 dan nilai maksimum adalah sebanyak RM1500.00. Selain itu, sumber pendapatan pelajar melalui sumber penajaan menunjukkan bahawa majoriti pelajar Politeknik Mukah tidak mendapat tajaan atau memohon pinjaman pembiayaan pengajian dengan taburan peratusan frekuensi yang paling tinggi iaitu 72.1%, manakala pinjaman PTPTN, Yayasan Sarawak dan lain-lain adalah 22.6% dan pelajar yang

mendapat tajaan biasiswa adalah 5.3%. Ini menunjukkan bahawa pelajar Politeknik Mukah lebih memilih kos pembiayaan pengajian sepanjang enam semester adalah berdasarkan sumber pendapatan ibu bapa. Secara purata, jumlah sumber pendapatan pelajar daripada penajaan atau pembiayaan pengajian mengikut semster pengajian mereka ialah RM1, 975 dengan nilai minimum semester ialah RM1000 dan nilai maksimum ialah RM3980 (rujuk Jadual 4). Di samping itu, terdapat 72.6% pelajar yang tiada bantuan atau sumbangan pembiayaan kos pengajian. Sumber penajaan yang lain seperti lain-lain 0.7% dan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat juga dikenalpasti dalam kajian ini iaitu 0.7%. Terdapat segelintir pelajar beragama islam mendapat bantuan Tabung Zakat atau Baitulmal Sarawak iaitu sebanyak 0.2%. Sumber pendapatan pelajar Politeknik Mukah pelbagai dan bercampur, seperti yang ditunjukkan oleh data ini. Sebagai contoh, seorang pelajar yang menerima biasiswa mungkin pada masa yang sama menerima wang saku daripada ibu bapa mereka.

Jadual 2. Skor frekuensi dan peratusan demografi responden pelajar Politeknik Mukah

Demografi	Kategori Responden	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	164	39.4
	Perempuan	252	60.6
	Melayu	96	23.1
Bangsa	Cina	21	5.0
	Bumiputera Sarawak	298	71.6
Jabatan	Jabatan Perdagangan	227	54.6
	Jabatan Kejuruteraan Awam	64	15.4
	Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi	56	13.5
	Jabatan Kejuruteraan Elektrik	39	9.4
	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	30	7.2
	Bekerja Sendiri	162	38.9
	Sektor Awam (Kerajaan Persekutuan/ Negeri)	131	31.5
Pekerjaan Penjaga	Sektor Swasta	102	24.5
	Badan Bukan Kerajaan	21	5.0
	(NGO)		

Jadual 3. Maklumat pendapatan pelajar Politeknik Mukah

	Kategori	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Sumber Pendapatan	Ibu Bapa	390	93.8
	Bekerja Sambilan	6	1.4
	Keuntungan atas Pelaburan	0	0
	Lain-lain	20	4.8
	Biasiswa	22	5.3
Sumber Penajaan	Pinjaman (PTPTN, Yayasan Sarawak & dll)	94	22.6
	Tiada	300	72.1
	Ahli Keluarga (selain ibu bapa)	103	24.8
Bantuan/ Sumbangan	Zakat	1	0.2
	Jabatan Kebajikan Masyarakat	3	0.7
	Lain-lain	7	1.7
	Tiada	302	72.6
Kategori	Purata (RM)	Minimum (RM)	Maximum (RM)
Sumber Pendapatan Pelajar	245.41	40.00	1500.00
Sumber Penajaan (persemester)	1975.00	1000.00	3980
Sumber Bantuan	258.89	4500.00	50.00

Jadual 5 menunjukkan peratusan perbelanjaan para pelajar mengikut item di Politeknik Mukah berdasarkan objektif kajian ini iaitu tanggungan kos sara hidup pelajar. Melihat kepada keperluan asas harian seperti makan dan minum adalah keperluan yang penting dan wajib bagi pelajar Politeknik Mukah iaitu mempunyai peratusan taburan tertinggi sebanyak 95.2%. Perbelanjaan yang lain seperti keperluan bahan bacaan dan alat tulis (66.2%), tambang pengangkutan (63.5%), dan yuran pengajian masing-masing merupakan taburan yang dominan selain barang keperluan harian. Hal ini kerana keperluan bahan bacaan dan alat tulis merupakan keperluan asas sesi pembelajaran lebih lagi melibatkan bidang kejuruteraan kerana memerlukan peralatan bahan pembelajaran yang dikhaskan. Sistem pengangkutan pelajar di Politeknik Mukah pula dilihat pelajar sering memilih perkhidmatan kenderaan awam seperti *Grab*, *Maxim* dan bas. Hal demikian kerana peratusan tambang pengangkutan adalah 63.5% lebih tinggi dibandingkan kos pengangkutan sendiri iaitu 17.8%. Faktor penginapan disediakan kepada semua pelajar juga merupakan sebab mengapa kurangan bilangan pelajar membawa kenderaan sendiri.

Peratusan frekuensi yang sederhana bagi kos perbelanjaan pelajar adalah pembelian barang kosmetik (38.7%), kos hiburan (34.1%) dan yuran penginapan (30.5%). Melihat kepada peratusan

taburan kajian ini, kategori jantina perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki dan juga faktor keperluan penampilan koprat yang memerlukan pelajar berhias dan berpenampilan menarik dan kemas di Jabatan Perdagangan juga mempengaruhi peratusan bagi pembelian barangan kosmetik. Peratusan yang paling rendah dalam kos perbelanjaan pelajar adalah melibatkan kos rawatan kesihatan (17.8%) selain dari kos pengangkutan. Perihal ini adalah perkara lazim kerana purata usia pelajar Politeknik Mukah adalah 18 tahun hingga 21 tahun. Usia yang muda terhindar dari serangan penyakit yang memerlukan kos rawatan yang berpanjangan. Selain itu, kemudahan fasiliti yang disediakan lengkap seperti klinik kesihatan yang mempunyai seorang pembantu pegawai perubatan.

Jadual 5. Perbelanjaan mengikut item pelajar Politeknik Mukah

Bil	Item	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
1	Barangan keperluan harian	396	95.2
2.	Bahan bacaan dan alat tulis	276	66.2
3.	Penginapan	127	30.5
4.	Yuran pengajian	263	63.2
5.	Pengangkutan	74	17.8
6.	Tambang Pengangkutan	264	63.5
7.	Rawatan Kesihatan	74	17.8
8.	Hiburan	142	34.1
9.	Pembelian Kosmetik	161	38.7
10.	Lain-lain	154	37.0

Merujuk Jadual 6 bagi kategori perbelanjaan setiap bulan yang diperuntukan oleh pelajar Politeknik Mukah menunjukkan barang keperluan harian yang melibatkan makan dan minum secara purata RM213.40sebulan dengan nilai minimum RM 50.00 dan maksimum adalah RM600.00 sebulan. Latarbelakang keluarga dan gaya hidup pelajar dijangka akan mempengaruhi dan menyebabkan perbezaan yang ketara. Tambahan pula, pelajar yang tinggal di luar Kolej Kediaman Pelajar iaitu pelajar yang terdiri komuniti sekitar Politeknik Mukah yang tinggal bersama dengan ibu bapa tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk keperluan harian.

Kadar yuran pengajian dengan purata dan tetap sebanyak RM200 adalah perbelanjaan selama satu semester dengan bersamaan enam bulan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Selain itu, purata kos perbelanjaan lain seperti perbelanjaan hiburan sebanyak RM86.42, pembelian barang kosmetik sebanyak RM94.82 dan lain-lain adalah RM92.95 dilihat aspek perbelanjaan pelajar yang agak penting dengan nilai minimum RM10 dan nilai maksima RM300. Kos perbelanjaan pelajar yang terendah adalah kos tambang pengangkutan iaitu sebanyak RM37.90 dengan nilai minimum RM12 dan nilai maksimum adalah RM300. Hal ini kerana semua pelajar disediakan penginapan

sepenuhnya dan melihat kepada kemudahan pengangkutan awam yang sering digunakan pelajar untuk pulang ke kampung adalah bas berbanding menggunakan laluan udara seperti kapal terbang yang memerlukan kos yang tinggi.

Jadual 6. Perbelanjaan pelajar Politeknik Mukah

Bil	Item	Purata (RM)	Minimum (RM)	Maximum (RM)
1	Barangan keperluan harian	213.40	50.00	600.00
2.	Bahan bacaan dan alat tulis	40.06	5.00	300.00
3.	Penginapan	68.36	60.00	500.55
4.	Yuran pengajian	200.00	0.00	200
5.	Pengangkutan	57.68	350.00	10.00
6.	Tambang Pengangkutan	37.90	12.00	300.00
7.	Rawatan Kesihatan	50.92	1.00	247.67
8.	Hiburan	86.42	20.00	300.00
9.	Pembelian Kosmetik	94.82	10.00	250.00
10.	Lain-lain	92.95	10.00	300.00

Jadual 7 menunjukkan jumlah pendapatan semua responden pelajar Politeknik Mukah ialah RM341,840.79 dengan puratan seorang pelajar adalah sebanyak RM821.73 melalui taburan pendapatan dan perbelanjaan sebulan. Manakala bagi jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah RM234,180.30, dengan kos perbelanjaan RM562.93 dengan purata seorang pelajar. Jumlah daripada pendapatan dan perbelanjaan pelajar ini menghasilkan nilai indeks kos sara hidup pelajar Politeknik Mukah ialah 0.69. Hasil pengiraan indeks yang kurang daripada satu menunjukkan bahawa sumber pendapatan pelajar masih mencukupi dan mampu dalam menampung perbelanjaan sepanjang pengajian mereka.

Jadual 7. Jumlah dan purata pendapatan dan perbelanjaan pelajar Politeknik Mukah

Profil	RM
Jumlah Pendapatan Keseluruhan	341,840.79
Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan	234,180.30
Purata Pendapatan Bulanan	
= $\frac{\text{Jumlah Pendapatan}}{\text{Jumlah Pelajar}}$	821.73
Purata Perbelanjaan Bulanan	
= $\frac{\text{Jumlah Perbelanjaan}}{\text{Jumlah Pelajar}}$	562.93
Indeks = $\frac{\text{Purata Perbelanjaan}}{\text{Purata Pendapatan}}$	0.69

5. Kesimpulan

Hasil objektif kajian ini mendapati bahawa pendapatan para pelajar Politeknik Mukah daripada pelbagai sumber. Statistik data sumber pendapatan pelajar yang paling tinggi menunjukkan sumber melalui ibu bapa pelajar sendiri. Walaupun majoriti

keluarga pelajar di Politeknik Mukah adalah golongan berpendapatan rendah kategori B40, ibu bapa masih mampu memberikan wang setiap bulan dalam purata anggaran RM250 setiap bulan. Sumber lain yang membantu menampung perbelanjaan pelajar adalah melalui tajaan biasiswa atau pinjaman pembiayaan pendidikan sekurang-kurangnya RM 500 sebulan kepada keluarga golongan B40. Segelintir pelajar mengambil inisiatif sendiri dengan menambah pendapatan jika tiada biasiswa atau pinjaman pendidikan dengan bekerja sambil dan berniaga. Jika dilihat daripada sumber pendapatan daripada ibu bapa nilainya adalah kurang berbanding anggaran perbelanjaan bulanan pelajar iaitu RM562.93 sebulan, yang secara tidak langsung kerja sambil atau bantuan-bantuan lain membantu menambah sumber pendapatan pelajar.

Dapatan statistik peratusan kos perbelanjaan pelajar Politeknik Mukah pula ialah menunjukkan perbelanjaan paling tinggi adalah kos keperluan harian seperti makan dan minum dan yang paling rendah adalah kos tambang pengangkutan. Jumlah keseluruhan perbelanjaan pelajar Politeknik Mukah ialah RM234,180.30 dengan anggaran perbelanjaan seorang pelajar ialah RM562.93 sebulan. Berdasarkan pengiraan indeks kos sara hidup iaitu 0.69, ini boleh diletakkan pelajar Politeknik Mukah masih mampu menampung kos perbelanjaan mereka sepanjang pengajian. Diharap melalui kajian ini, satu sumber rujukan kepada masyarakat yang merancang melanjutkan pengajian peringkat diploma di politeknik dapat membuat persediaan terutama berkaitan kewangan. Manakala bagi pihak yang menjaga kebajikan pelajar seperti Pengurusan Politeknik Mukah dan Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar agar lebih cakna dan menjadi penanda aras bagi pelaksanaan strategi Pelaksanaan Inisiatif KPT Menangani Kos Sara Hidup di Politeknik Tahun 2024. Kajian ini juga dicadangkan perlu ditumpukan kepada golongan keluarga berpendapatan rendah B40 kerana bilangan golongan ini adalah dominasi paling tinggi di Politeknik Mukah.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Politeknik Mukah Sarawak (PMU) kerana sudi memberi kebenaran kajian ini. Akhir kata, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Exco Unit Kebajikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2024/2025 dalam membantu sebar luar borang kaji selidik kepada pihak responden dan Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar kerana menyokong kajian penyelidikan ini untuk menilai tahap indeks kos sara hidup pelajar Politeknik Mukah.

Rujukan

- Abdullah, S. A. J. (2007). *Kewangan & pelajar IPT. Seri Kembangan, Selangor: Utusan Publication & Distributors.*
- Baba, R., Nor, N. Z. M., & Hamzah, M. A. F. (2018). Kerja separuh masa: Faktor, status pelajar dan kesan ke atas pencapaian akademik pelajar institusi pengajian tinggi. *Journal of Business Innovation, 3*(1), 86.
- Husin, N. (2021). Status kewangan dan tekanan dalam kalangan pelajar. In *8th International Conference on Management and Muamalah* (pp. 405-415).
- Jalil, N. A., Yusof, H., Ahmad, N., & Khalid, K. (2013). Pengurusan Pendapatan-Perbelanjaan Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Celik Ekonomi: The Income-Expenditure Management of the Economic Literate Students. *Management Research Journal, 2*, 19-30.
- Khan, S. J. M., Che-Mat, S. H., & Abdullah, N. (2021). Kemiskinan B40 Dan Puratatepoh Masa Keluar (Average Exit Time) Daripada Kemiskinan: Kajian Kes Isi Rumah B40 di Daerah Kubang Pasu Kedah. *Journal of Economics and Sustainability, 3*(2), 33-45.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement, 30*(3), 607-610.
- Malek, N. M. S. A., Idiris, N. R., & Zakaria, Z. (2024). Indeks Kos Sara Hidup Pelajar Kolej Komuniti Kuantan selepas Era Pandemik Covid-19. *Technical and Vocational Education International Journal (TAVEIJ), 4*(1), 152-159.
- Miskan, N. H., & Fisol, I. I. M. (2021). Pengurusan Stres Dalam Kalangan Pelajar Kajian Kes: Kolej Universiti Islam Melaka (Kuim). *Journal of Business Innovation, 5*(1), 33.
- Nizad, A. A. H., Yakob, R., Hafizuddin-Syah, B. A. M., & Baharin, R. (2018). Indeks Sara Hidup Pelajar: Kajian Kes di Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC). *Jurnal Personalial Pelajar, 21*(1).
- Norliza, M. (2023). *PTPTN terima RM90.42 juta daripada Sarawak bagi insentif bayaran balik pinjaman.* Diakses Januari 18, 2024 dari https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1193384/ptptn-terima-rm9042-juta-daripada-sarawak-bagi-insentif-bayaran#google_vignette.
- Sabri, M. F., & MacDonald, M. (2010). Savings behavior and financial problems among college students: The role of financial literacy in Malaysia. *Cross-Cultural Communication, 6*(3), 103-110.
- Sabtu, J. (2014). Kenaikan kos sara hidup, kesan kepada rakyat. *Majalah DimensiKoop bil, 44*, 2014.